

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU
[BATU GAJAH]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 85

Y.B. TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua bantuan dan faedah yang diterima oleh golongan B40. Sejauh manakah program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan menunjukkan keberkesanan dalam membantu golongan bersasar dari segi pembangunan sosioekonomi serta keselamatan dan kesejahteraan hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha membantu mengurangkan beban rakyat, Kerajaan sedang memberi perhatian untuk membantu mengurangkan kos sara hidup bukan sahaja bagi golongan B40 malahan juga mereka yang berada dalam lingkungan M40. Beberapa langkah telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan rakyat termasuklah:

- menggantikan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kepada cukai jualan dan perkhidmatan (SST) bermula 1 September 2018. Pengenalan semula SST ini meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat termasuk golongan M40;
- penyelarasan gaji minimum kepada RM1,100 di seluruh negara mulai 1 Januari 2019;
- menyediakan Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM1,000 setahun bagi isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, RM750 kepada isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,001 hingga RM3,000 dan RM500 kepada isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 hingga RM4,000 yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019. Sebagai tambahan, semua penerima BSH juga diberikan RM120 untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah terhadap kepada empat orang, kecuali anak OKU yang tidak dihadkan umur mereka;
- memberi pelbagai bantuan persekolahan seperti buku teks, bantuan makanan dan bantuan geran per kapita;
- mempertingkatkan Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional bagi meningkatkan kemahiran belia dan seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan;
- menanggung sebahagian besar daripada kos pengajian di institusi pengajian tinggi awam;
- memberi pelbagai pinjaman dan biasiswa bagi pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta;

NO SOALAN : 85

- meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital dan klinik Kerajaan yang berkualiti untuk rakyat;
- mengkaji semula pengenaan tol;
- memastikan bekalan barangan makanan mencukupi terutamanya pada musim perayaan;
- meningkatkan bilangan rumah mampu milik termasuk melalui Program Perumahan Rakyat (PPR), skim Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan projek di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB);
- meningkatkan liputan dan kualiti pengangkutan awam di bandar mahupun di kawasan luar bandar;
- menawarkan pas perjalanan pada harga RM100 kepada rakyat negara ini untuk menggunakan semua perkhidmatan pengangkutan rel dan bas yang disediakan oleh Rapid KL tanpa had dalam tempoh 30 hari dan pas pada harga RM50 tanpa had perjalanan dalam tempoh sebulan bagi bas Rapid KL termasuk perkhidmatan bas perantara MRT;
- memberikan pelbagai pelepasan cukai kepada pembayar cukai individu ke atas perbelanjaan tertentu mengikut kadar dan syarat tertentu. Ini termasuk:
 - pelepasan cukai bagi anak berumur di bawah 18 tahun;
 - pelepasan cukai bagi pembayar individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan; dan
 - pelepasan cukai bagi anak berumur 18 tahun dan ke atas yang masih belajar.
- memberikan pelepasan cukai bagi perbelanjaan gaya hidup termasuk pembelian buku, surat khabar bercetak, komputer peribadi, telefon pintar dan bayaran langganan internet;
- menyediakan pelbagai bantuan kepada petani, pekebun kecil, dan penoreh getah termasuk bagi meningkatkan produktiviti dan hasil mereka. Ini termasuk beberapa langkah yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 iaitu:
 - menyediakan bantuan kepada pekebun kecil getah melalui Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membantu mengurangkan kesan kejatuhan harga getah; dan

NO SOALAN : 85

- menyediakan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi membantu semua pekebun kecil kelapa sawit mendapatkan pengiktirafan persijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) yang seterusnya meningkatkan kebolehpasaran komoditi tersebut ke luar negara.
- menyediakan inisiatif baharu lain untuk membantu mengurangkan beban kewangan golongan B40 iaitu takaful perlindungan mySalam yang memberikan bantuan kewangan tertentu untuk pengidap 36 penyakit kritikal daripada golongan tersebut.

Kerajaan akan terus menguruskan makroekonomi negara dengan berkesan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara yang sihat dan mapan serta berkualiti. Keadaan ini seterusnya dijangka dapat membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 17 JULAI 2019

SOALAN NO. 86

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menguasai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi di bawahnya iaitu SME Corp., telah melaksanakan sebuah program bantuan bersepadu bagi meningkatkan keupayaan PKS termasuk perusahaan mikro iaitu Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan (BAP) sejak tahun 2011. Program ini menyediakan khidmat nasihat perniagaan dan bantuan kewangan kepada PKS dan perusahaan mikro. Sejumlah 2,190 permohonan telah diluluskan sejak tahun 2011 di bawah program ini dengan dana berjumlah RM267.61 juta.

2. Mulai tahun 2016, bantuan kewangan di bawah BAP2.0 merangkumi komponen ICT bagi meningkatkan penggunaan ICT di kalangan PKS. Sebanyak RM43.85 juta telah diperuntukkan kepada program BAP2.0 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 140 permohonan telah diluluskan dengan dana berjumlah RM2.40 juta untuk bantuan komponen ICT.

3. Selain dari bantuan kewangan, aktiviti latihan berkaitan e-dagang juga turut disediakan. Pada tahun 2018, sejumlah 56,182 PKS telah menjalani latihan e-dagang melalui pelbagai program yang dijalankan secara kolaborasi dengan agensi-agensi lain. Antara program tersebut adalah:

- i. *Online Legal & Workshop Series by ShakeUp;*
- ii. *Everyone Can #EXPORTNOW to Indonesia;*
- iii. *DFTZ and MEXA Networking Seminar 2018;*
- iv. *Go for Digital Transformation – SMEs, Are You Ready?;* dan
- v. *Industrial Business Conference 2018: E-Commerce and SMEs, A Definite Way Forward.*

4. MED juga terlibat dalam *Malaysia Tech Week 2019* anjuran MDEC pada 17 hingga 21 Jun 2019 yang bertujuan untuk mengetengahkan daya tarikan ekosistem pembangunan teknologi di Malaysia. MED dengan kerjasama MDEC turut melaksanakan program-program berimpak tinggi selain memperkenalkan usahawan dan PKS tempatan yang berteknologi inovatif untuk mampu berdaya saing di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 87

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan syarikat tempatan yang terlibat menerima sisa plastik tercemar dari luar negara dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat-syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Berdasarkan operasi bersepadu di pelabuhan-pelabuhan utama yang dilaksanakan pada bulan Mei 2019, bersama-sama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), terdapat 3 syarikat pemegang AP yang didapati membawa masuk skrap plastik yang kotor ke Malaysia.

Dalam hal ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan notis amaran kepada syarikat-syarikat tersebut di mana sekiranya syarikat didapati melakukan kesalahan yang sama, AP yang diberikan akan dibatalkan serta merta dan di senarai hitamkan sebagai pemegang AP oleh Kementerian.

Selain itu, terdapat 1 syarikat telah dibatalkan AP pada 24 Jun 2019 kerana didapati melanggar salah satu syarat yang ditetapkan oleh Kementerian. Kesemua 8 kontena yang terlibat telah diarahkan untuk dihantar pulang ke negara asal pembekal dan kos penghantaran ditanggung oleh pihak pengimport.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]

TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 88

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengharamkan penggunaan "*polisterine*" sebagai bekas makanan dan minuman dan sejauh manakah penggunaan bahan tersebut membahayakan kesihatan pengguna.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedar dan peka mengenai isu penggunaan bekas makanan yang diperbuat daripada plastik jenis polistirena (*polystyrene*). Pihak kami juga maklum mengenai isu keselamatan makanan yang sering dikaitkan dengan polistirena sebagai bekas makanan iaitu mengenai migrasi (perpindahan) monomer stirena iaitu bahan asas polistirena ke dalam makanan.

Buat masa ini, KKM tidak berhasrat mengharamkan penggunaan polistirena sebagai bekas makanan dan minuman kerana tiada kajian spesifik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang menyatakan polistirena boleh menjejaskan kesihatan melalui migrasi terhadap makanan. KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan turut menjalankan kajian migrasi monomer stirena di dalam makanan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan mendapati kadar migrasi stirena adalah di bawah paras *specific migration limit* (SML) yang ditetapkan oleh EU iaitu 60 mg/kg.

Yang di-Pertua,

Sehingga kini tiada Negara yang menghentikan penggunaan polistirena sebagai bekas makanan atas sebab isu keselamatan makanan. Kebanyakan Negara mengharamkan penggunaan polistirena sebagai bekas makanan adalah disebabkan masalah pencemaran alam sekitar kerana ia sukar dilupuskan dan tidak biodegradasi. KKM akan sentiasa memantau perkembangan kajian terkini dari aspek migrasi stirena terhadap makanan dan tidak akan teragak- agak untuk mengharamkan penggunaan polistirena sekiranya terdapat bukti saintifik penggunaannya boleh menjejaskan kesihatan pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGARA]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 89

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani masalah pengeksporth atau pengimport sisa yang mendokumenkan sampah sebagai sisa kitar semula walaupun hakikatnya ia adalah sisa yang tidak boleh dikitar semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara tindakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membendung syarikat-syarikat tempatan membawa masuk dan memproses sisa plastik kotor yang boleh menjejaskan alam sekitar dan melakukan kesalahan perisytiharan palsu (false declaration) dagangan adalah seperti berikut:

- (i) Mengenakan 18 syarat yang lebih ketat bagi pengimportan skrap plastik HS Code 39.15;

- (ii) Mengadakan operasi bersepadu secara berterusan bagi mengetatkan kawalan di pintu masuk di Pelabuhan Persekutuan bersama-sama dengan pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Pihak Berkuasa Pelabuhan (PBP);
- (iii) Meneliti isu-isu berkaitan perundangan, peraturan, penguatkuasaan serta kawalan dan hanya skrap plastik daripada sumber industri sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik Import yang dipengerusikan bersama oleh KPKT dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC); dan
- (iv) Mengguna pakai prosedur *Prior Informed Consent* (PIC) di bawah Perjanjian Ratifikasi Basel Convention bermula pada tahun 2021 di mana *Competent Authority* (CA) perlu dimaklumkan oleh pihak berkuasa negara asal skrap plastik mengenai pergerakan skrap plastik kotor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM
BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 90

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan dilakukan Kementerian bagi membendung tindakan syarikat tempatan membawa masuk dan memproses sisa plastik sehingga menjejaskan alam sekitar di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara tindakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membendung syarikat-syarikat tempatan membawa masuk dan memproses sisa plastik kotor yang boleh menjejaskan alam sekitar dan melakukan kesalahan perisytiharan palsu (false declaration) dagangan adalah seperti berikut:

- (i) Mengenakan 18 syarat yang lebih ketat bagi pengimportan skrap plastik HS Code 39.15;

- (ii) Mengadakan operasi bersepadu secara berterusan bagi mengetatkan kawalan di pintu masuk di Pelabuhan Persekutuan bersama-sama dengan pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Pihak Berkuasa Pelabuhan (PBP);
- (iii) Meneliti isu-isu berkaitan perundangan, peraturan, penguatkuasaan serta kawalan dan hanya skrap plastik daripada sumber industri sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik Import yang dipengerusikan bersama oleh KPKT dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC); dan
- (iv) Mengguna pakai prosedur *Prior Informed Consent* (PIC) di bawah Perjanjian Ratifikasi Basel Convention bermula pada tahun 2021 di mana *Competent Authority* (CA) perlu dimaklumkan oleh pihak berkuasa negara asal skrap plastik mengenai pergerakan skrap plastik kotor.

Sekian, terima kasih.